BIL 6 / 2022 (DISEMBER)

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

Perancangan Kewangan Yang Berkesan Mengikut Fasa Kehidupan

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM): Langgan Polisi Insurans

Kenali Unit Amanah: Bagaimanakah Saham Amanah Boleh Membantu Anda?

Aduan Pengguna: *Scam* Dan Apa Yang Perlu Anda Ketahui



KEPENTINGAN *'MONEY PARENTING'* DAN CARA UNTUK MULAKANNYA

ISSN 2180-3684

9 772180 368003

IMBAS KOD QR
UNTUK MUAT TURUN
MAJALAH RINGGIT

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

FOMCA
GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

Isi Kandungan

04 Kepentingan *'Money Parenting'* Dan Cara Untuk Mulakannya



08 Perancangan Kewangan Yang Berkesan Mengikut Fasa Kehidupan



11 Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM): Langgan Polisi Insurans



15 Kenali Unit Amanah: Bagaimanakah Saham Amanah Boleh Membantu Anda?



20 Aduan Pengguna: *Scam* Dan Apa Yang Perlu Anda Ketahui



Sidang Redaksi

Penasihat
Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
- Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Dr. Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Maizatul Aqira Ishak
Baskaran Sithamparam
Nur Asyikin Aminuddin

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 24, Jalan SS1/22A,
47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7876 4648
Faks: +603 7877 1076
E-mel: fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Tel: +603 2698 8044
Sesawang: www.bnm.gov.my

Diurus Terbit Oleh
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A,
47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7875 2392
E-mel: info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Rakan Kongsi Penerbitan Digital
Wordlabs Global Sdn Bhd
No.617, Block D, Kelana Square,
17 Jalan SS7/26, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7880 4200 / +603 7886 4933
Fax: +603 7803 0500
E-mel: info@wordlabs.com.my
Sesawang: www.wordlabs.com.my

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.





KEPENTINGAN *'MONEY PARENTING'* DAN CARA UNTUK MULAKANNYA

'MONEY PARENTING' - Mendidik anak-anak bukanlah suatu perkara yang mudah. Setiap ibu bapa sudah pasti mahukan yang terbaik untuk anak-anak mereka. Ibu bapalah yang mengajar anak-anak tentang agama, etika, disiplin, tanggungjawab dan lain-lain. Pelbagai kaedah keibubapaan (*parenting)* yang digunakan dengan harapan agar anak-anak membesar menjadi individu yang baik dan berguna.



Walau bagaimanapun, ibu bapa sering lupa tentang '*Money Parenting*', iaitu memperkenalkan ilmu kewangan kepada anak-anak mereka.



APA ITU *'MONEY PARENTING'*?

Money Parenting adalah proses mendidik atau mengajar anak-anak tentang tanggungjawab kewangan. Pengajaran sains kewangan kepada anak-anak amat diperlukan untuk membina asas yang kukuh untuk masa hadapan mereka.

Money Parenting untuk anak-anak sejak kecil adalah amat penting, bak kata pepatah 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Berikut merupakan beberapa panduan untuk membantu para ibu bapa mendidik anak menjadi celik kewangan sejak kecil:



1. BERBUAL TENTANG KEWANGAN

Kebanyakan ibu bapa tidak bercerita tentang kewangan keluarga di hadapan anak-anak. Namun, untuk memupuk celik kewangan dalam kalangan mereka, adalah lebih baik sekiranya ibu bapa mula mendedahkan anak-anak terhadap pengurusan kewangan sejak usia yang awal.

Anda boleh berbual tentang pembelian rutin seperti makanan, belanja pendidikan, pengangkutan dan percutian. Bincangkan juga perbezaan antara keperluan dengan kehendak. Ketika anak masih kecil, anda boleh membawa mereka membeli-belah, ajarkan tentang tanda harga dan gunakan pembayaran tunai serta digital.

Selain itu, anda boleh memanfaatkan masa yang ada dengan membincangkan hal kewangan bersama anak-anak. Mulakan dengan menceritakan bagaimana anda bekerja untuk mendapatkan wang.

Anda juga boleh mengajak anak-anak berbincang tentang permasalahan dalam kewangan, contohnya apabila mengalami masalah kewangan. Ianya akan membuatkan anak-anak memahami situasi kewangan yang dihadapi oleh keluarga.



2. MELIBATKAN ANAK-ANAK DALAM KEPUTUSAN KEWANGAN

Pengalaman adalah pengajaran yang mudah diserap oleh daya pemikiran anak. Oleh itu, cuba libatkan anak-anak dalam perkara mudah yang berkaitan dengan wang, seperti bajet untuk membeli kasut, mainan, pakaian dan makanan.

Apabila anda membeli-belah, libatkan anak-anak dalam membeli makanan atau barangan rumah. Di samping itu, anda boleh membiarkan anak anda berurus niaga semasa anda membeli-belah, biarkan dia membayar, mengira dan menyemak wang baki yang ada.

Dengan cara itu, anak-anak anda akan belajar menghargai wang dan menggunakannya dengan lebih bijak.



3. AJAR ANAK MENYIMPAN SEJAK KECIL

Kita perlu mengajar anak-anak bahawa wang yang mereka peroleh, tidak semestinya perlu dibelanjakan kesemuanya. Lebih baik sekiranya mereka diajar untuk menetapkan matlamat simpanan. Mungkin ini masanya untuk anda memperkenalkan kepada anak-anak akaun simpanan digital memandangkan pada masa hadapan, mereka akan menggunakan perbankan secara dalam talian.

Apabila sudah ada simpanan, anda boleh memperkenalkan mereka dengan penyata bulanan dan menjelaskan bagaimana akaun tersebut meningkat disebabkan deposit dan keuntungan. Untuk anak yang lebih dewasa, galakkan mereka menyimpan untuk sesuatu yang mereka mahukan, seperti basikal atau telefon bimbit.



4. USAHA TANGGA KEJAYAAN KEWANGAN

Jika anak anda mahukan sesuatu, seperti basikal atau telefon bimbit, didik mereka untuk berusaha untuk mendapatkannya sendiri. Ibu bapa perlu mendorong anak mereka untuk membuat kerja kecil-kecilan dan berikan sedikit ganjaran untuk kerja rumah yang mereka lakukan. Beri sedikit upah dan ajar mereka menyimpan sedikit demi sedikit.



5. BERBELANJA, TAPI JANGAN BERLEBIHAN

Ini yang paling seronok. Apabila anak anda telah menyimpan dengan cukup, izinkan mereka berbelanja menggunakan wang tersebut. Namun, perlu nasihatkan mereka supaya jangan berbelanja secara berlebihan. Ingat, jangan terlalu mengawal perbelanjaan mereka. Jika anak anda sudah cukup matang, biar mereka tentukan sendiri perbelanjaan mereka, anda hanya perlu memantau.

"JANGAN SIMPAN APA YANG TINGGAL SETELAH BERBELANJA, SEBALIKNYA BELANJAKAN APA YANG ADA SETELAH MENYIMPAN."



Sumber: www.fomca.org.my



Perancangan Kewangan Yang Berkesan Mengikut Fasa Kehidupan

Menurut laporan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan 2021 oleh Bank Negara Malaysia, 30% daripada rakyat Malaysia merasakan bahawa mereka mempunyai terlalu banyak hutang. Ramai yang menyatakan bahawa mereka menghadapi kesukaran untuk menyediakan RM1,000 semasa kecemasan, dan tidak kurang pula yang bimbang tentang kemampuan untuk menampung perbelanjaan pada hari tua. Walaupun aliran tunai setiap individu adalah berbeza, perancangan kewangan yang rapi pada setiap fasa kehidupan dapat membantu kita mencapai kesejahteraan kewangan jangka panjang.

1. Fasa bujang

Kebiasaannya, pada fasa bujang, seseorang individu masih kurang komitmen yang besar. Ini berbeza untuk mereka yang sudah berkeluarga. Individu bujang boleh mengambil kesempatan ini untuk mengumpul dan membina aset bermula daripada gaji pertama lagi. Fasa bujang bagi Generasi Z (yang lahir antara tahun 1995-2010) mungkin berbeza gaya hidup berbanding generasi Y (yang lahir antara tahun 1980-1994). Contohnya, Generasi Z lebih gemar pekerjaan berasaskan ekonomi Gig, berbanding dengan makan gaji. Gaya hidup yang berkaitan melibatkan penggunaan alatan yang canggih, makanan *hipster* berasaskan trend tidak mustahil menyebabkan perbelanjaan bulanan tinggi.

Walau bagaimanapun, individu bujang yang mengambil kesempatan menyimpan dan mengembangkan

simpanan sejak awal, iaitu sejak mendapat gaji pertama lagi, mampu mendapat pulangan pelaburan yang lebih baik berbanding dengan mereka yang bermula pada usia yang lebih lewat. Selain daripada itu, simpanan yang disediakan lebih awal boleh digunakan untuk majlis perkahwinan atau percutian yang telah dirancang. Malangnya, ramai yang mensia-siakan peluang ini dengan berbelanja secara boros, tidak menyimpan, malahan mengambil hutang yang berlebihan. Akibatnya, mereka berisiko terjebak dalam perangkap hutang atau pinjaman peribadi yang berpanjangan dan semakin membebankan apabila mula memasuki fasa berkeluarga.

2. Fasa berkeluarga

Pada fasa berkeluarga, seseorang individu mula membina keluarga, dan ini melibatkan komitmen perbelanjaan yang lebih tinggi, seperti keperluan rumah, kos penjagaan anak dan sebagainya. Ada juga suami yang menjadi pencari nafkah tunggal dalam keluarga, sekali gus mengakibatkan perubahan yang besar terhadap kedudukan kewangan mereka. Terdapat sesetengah keluarga yang dikategorikan sebagai 'Generasi Sandwic' - yang bukan sahaja menanggung keluarga sendiri, malahan juga ibu bapa dan mertuanya. Tanpa perancangan kewangan yang rapi, sesebuah keluarga boleh menghadapi tekanan kewangan, yang seterusnya berisiko untuk merebak kepada masalah lain yang lebih besar, termasuklah perceraian. Gambar di bawah adalah contoh fasa-fasa kehidupan individu yang melibatkan perancangan kewangan.



Bagi mereka yang sememangnya sudah berada di landasan yang betul, mereka perlu membuat perancangan kewangan bagi masa hadapan keluarga mereka pula, seperti dana pendidikan anak-anak. Menurut satu kajian akademik, kos membesarkan seorang anak secara purata mencecah RM115,000 bermula ketika anak tersebut berada di darjah 1 sekolah rendah sehingga anak itu habis belajar di universiti[1]. Kos tersebut merangkumi tanggungan untuk anak sekolah rendah dan menengah di sekolah kerajaan, manakala peringkat universiti adalah universiti tempatan dengan pembiayaan sendiri. Selain itu, keperluan perlindungan insurans/takaful dan perancangan persaraan juga perlu diambil kira. Justeru, persediaan awal adalah penting walaupun dengan amaun bulanan yang kecil.

3. Fasa persaraan

Mereka yang memasuki fasa persaraan mendambakan kehidupan yang bebas daripada belenggu hutang dan tekanan kewangan. Menurut Ketua Pengarah Perangkaan Malaysia (DOSM), YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin (2021), purata jangkaan hayat rakyat Malaysia adalah 75.6 tahun.

Jangka hayat yang tinggi ini disumbangkan oleh faktor taraf pendidikan, tahap penjagaan kesihatan dan penurunan kadar kematian. Jangka hayat yang



panjang bermakna dana persaraan yang mampan adalah amat perlu. Tambahan lagi, dana persaraan yang tinggi boleh memberi peluang untuk pesara mencurahkan tenaga dan sumbangan semula kepada masyarakat yang memerlukan.

Oleh itu, dana persaraan, aset dan pelaburan pada fasa ini seharusnya diuruskan dengan berhati-hati, dalam risiko yang rendah, dan juga dapat melawan kadar inflasi. Kos perbelanjaan untuk penjagaan kesihatan juga merupakan aspek yang penting pada usia emas. Perlindungan insurans/takaful serta simpanan untuk penjagaan kesihatan adalah amat berharga pada fasa ini.

Kesimpulannya, mengenal pasti aliran tunai, matlamat jangka masa pendek dan jangka panjang pada setiap fasa kehidupan boleh dijadikan asas untuk merancang kewangan keluarga kita dengan berkesan.

1"International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences (2016), Vol 6, No. 11,: An Analysis of Private and Education Costs of Education in Malaysia : An Overview"

Sumber: Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM)



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM): Langgan Polisi Insurans

Jika payung melindungi anda daripada cuaca buruk, insurans pula melindungi anda daripada potensi risiko kemalangan, kehilangan pendapatan, aset mahupun nyawa, serta malapetaka lain yang mungkin berlaku kepada anda. Fikirkan sejenak kemungkinan berikut. Sesuatu berlaku kepada anda pada hari ini dan ia menjejaskan keupayaan anda untuk memperoleh pendapatan. Bagaimanakah anda ingin menyediakan keperluan keluarga serta menampung kos perubatan untuk anda pulih semula? Perlindungan insurans akan membuatkan anda lebih tenang. Ini kerana sekiranya sesuatu berlaku, anda dan keluarga telah mempunyai jaringan keselamatan.

Pelan insurans adalah produk konvensional manakala perlindungan Takaful pula adalah insurans yang berlandaskan prinsip Syariah. Ada banyak jenis insurans dan takaful yang menyediakan perlindungan bagi pelbagai jenis risiko. Artikel ini akan membantu anda untuk mengenal pasti insurans manakah yang paling sesuai bagi anda.

Apakah jenis pelan insurans yang ada?

Secara umumnya, insurans terbahagi kepada insurans hayat dan insurans am.

1. Insurans Hayat

Menyediakan perlindungan sekiranya berlaku kematian, menghidap penyakit, hilang upaya dan kemasukan hospital. Kebiasaannya tempoh perlindungan adalah lebih daripada setahun dan pembayaran premium boleh dibayar secara bulanan, suku

tahunan, setengah tahun atau tahunan, bergantung kepada pilihan anda. Berikut adalah jenis pelan insurans hayat yang anda boleh pertimbangkan:

INSURANS SEPANJANG HAYAT

Seperti yang digambarkan, perlindungan ini adalah untuk sepanjang hayat anda dengan ciri-ciri nilai tunai.

INSURANS HAYAT BERJANGKA

Perlindungan bagi tempoh tertentu, biasanya sehingga 30 tahun.

INSURANS ENDOWMEN

Insurans hayat ditambah dengan pelan simpanan, biasanya bagi tempoh perlindungan lebih singkat di antara 10-20 tahun.

PENYAKIT KRITIKAL

Memberikan anda pembayaran sekali gus sekiranya anda menghidapi salah satu daripada 36 penyakit kritikal. Antaranya ialah kanser, kegagalan buah pinggang dan strok.

INSURANS HILANG UPAYA

Menyediakan manfaat kepada anda secara berkala sekiranya anda mengalami kecacatan fizikal atau mental.

INSURANS BERKAITAN PELABURAN

Merupakan insurans hibrid yang menyediakan perlindungan insurans dan komponen pelaburan yang dilaburkan ke dalam dana pelaburan berdasarkan pilihan risiko anda. Pelan insurans pendidikan adalah satu bentuk insurans berkaitan pelaburan yang menyediakan perlindungan kematian dan hilang upaya kekal dengan komponen pelaburan untuk membina dana pendidikan anak anda.



Jika ini adalah langganan insurans pertama anda, mungkin anda kurang berkemampuan untuk membayar premium yang tinggi. Anda boleh mulakan dengan insurans hayat berjangka kerana ia lebih murah berbanding insurans sepanjang hayat dan insurans berkaitan pelaburan.

Setelah kedudukan kewangan anda lebih stabil, anda boleh memilih insurans sepanjang hayat kerana ia menyediakan ciri-ciri nilai tunai yang boleh berfungsi sebagai simpanan kepada anda. Namun, apabila risiko kesihatan semakin meningkat seiring dengan peningkatan usia, barangkali lebih bijak untuk menambah perlindungan lain seperti penyakit kritikal jika ia belum lagi termasuk dalam pelan insurans hayat yang anda ada.

2. Insurans Am

Insurans am melindungi barangan peribadi anda daripada kerugian akibat kecurian atau kerosakan. Contoh insurans am termasuk insurans perjalanan, kecurian, perubatan, kemalangan peribadi dan kebakaran.

INSURANS KEMBARA

Melindungi anda daripada kerugian yang mungkin anda alami semasa dalam perjalanan seperti kehilangan bagasi, kelewatan dan kecemasan perubatan di luar negara.

INSURANS KECURIAN

Menyediakan perlindungan terhadap kerugian akibat daripada rompakan atau kecurian.

INSURANS PERUBATAN

Menyediakan perlindungan terhadap perbelanjaan perubatan anda seperti bil pembedahan dan dimasukkan ke hospital untuk rawatan penyakit.

INSURANS KEMALANGAN PERIBADI

Merangkumi kecederaan akibat kemalangan seperti luka kebakaran atau patah tulang, dan akan menanggung kos anda apabila anda dimasukkan ke hospital dan rawatan pemulihan.

INSURANS KEBAKARAN DAN BANJIR

Adalah insurans harta tanah yang melindungi rumah anda jika ia rosak atau musnah akibat kebakaran ataupun bencana banjir.

Tempoh perlindungan bagi insurans am biasanya adalah setahun dan premium dibayar secara sekali gus atau tahunan.

Pelan insurans manakah yang saya perlukan?

Terdapat banyak faktor yang perlu anda pertimbangkan semasa memilih insurans, baik untuk yang anda perlukan sekarang ataupun kemudian.

Anda perlu memiliki sekurang-kurangnya satu polisi insurans yang melindungi penyakit dan kehilangan pendapatan akibat kemalangan atau kematian. Terutamanya, apabila bekerja sendiri, adalah langkah bijak untuk mempunyai insurans kerana anda berisiko berhadapan situasi pendapatan yang tidak menentu apabila ditimpa sebarang kemalangan atau kecemasan. Dalam hal ini, anda boleh pertimbangkan insurans hayat berjangka kerana ia menyediakan perlindungan asas yang diperlukan.



Insurans kemalangan peribadi adalah di antara pelan insurans yang menjadi pilihan ramai. Anda mungkin memerlukan pergerakan di jalan raya dalam menyelesaikan tugasan. Dengan insurans kemalangan peribadi ia menyediakan perlindungan sekiranya anda berhadapan kemalangan jalan raya yang menyebabkan kecederaan, ketidakupayaan kekal atau kematian.

Setelah melanggan pelan insurans, terutamanya insurans kesihatan, anda perlu juga bersedia dengan kenaikan premium bergantung kepada usia anda dan peningkatan risiko penyakit. Justeru, anda dinasihatkan untuk memiliki pelan insurans seawal mungkin sebelum risiko menghidapi masalah kesihatan.



Akhir sekali, semak perlindungan anda sebelum melanggan pelan insurans baharu agar anda tidak memiliki manfaat insurans yang sama. Sebagai contoh, sekiranya pelan insurans hayat anda telah merangkumi manfaat penyakit kritikal, anda tidak lagi memerlukan insurans perubatan. Tidak ada salahnya untuk anda hubungi penasihat kewangan dalam mendapatkan nasihat mengenai pelan yang lebih sesuai mengikut keperluan semasa anda.

Tahukah anda?

Melalui Perlindungan Tenang, anda kini boleh membeli atau menyertai pelan perlindungan yang mampu dimiliki dan mudah difahami, dengan proses tuntutan yang senang dan ringkas. Dapatkan produk yang mempunyai logo Perlindungan Tenang daripada syarikat insurans atau pengendali takaful pilihan anda.

PERLINDUNGAN tenang MAMPU & MUDAH

Usaha mempertingkatkan literasi kewangan adalah sebuah perjalanan yang boleh dimulakan tidak kira apa jua peringkat kehidupan. Jika anda ingin mempelajari bagaimana untuk membina daya tahan kewangan, dapatkan pelbagai kandungan dan video berkaitan tip kewangan di laman mikro kempen #SediaPayungKewangan. Anda juga boleh dapatkan maklumat tambahan lain melalui Jaringan Pendidikan Kewangan atau Financial Education Network di https://www.fenetwork.my/.

Sumber: www.pidm.gov.my

Kenali Unit Amanah: Bagaimanakah Saham Amanah Boleh Membantu Anda?



Unit amanah adalah skim pelaburan terkumpul yang menyatukan simpanan orang ramai yang mempunyai matlamat pelaburan yang sama ke dalam sebuah tabung unit amanah yang khusus.

Anda perlu membuat pilihan pelaburan berdasarkan kepada profil diri sebagai pelabur, matlamat pelaburan, risiko yang berani diambil, pulangan yang diharapkan, modal yang dimiliki dan tempoh pelaburan untuk mencapai matlamat yang telah anda tetapkan.

Unit amanah sering dikaitkan dengan pelaburan yang 'selamat', namun dalam menyertai mana-mana pelaburan, pelabur masih perlu mengambil sikap berhati-hati dan memahami risiko yang perlu ditanggung.

Memahami apa itu unit amanah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya akan membantu anda sebelum membuat keputusan pelaburan yang bijak.

BAGAIMANAKAH UNIT AMANAH BERFUNGSI?

PEMEGANG UNIT
Membaca dan memahami isi kandungan Prospektus

Pemegang Amanah
Menjaga aset tabung unit amanah

SURAT IKATAN
TABUNG UNIT AMANAH

Syarikat Pengurusan
Mengurus operasi tabung unit amanah

Pengurus Dana Profesional
Memilih dan mengurus portfolio pelaburan

- Sekuriti Syarikat tersenarai di Bursa Malaysia
- Lain-lain pelaburan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti
- Bon Cagamas, Saham Pinjaman Tidak Disenaraikan, Bon Korporat
- Pelaburan dalam pasaran
- Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bil Perbendaharaan, Sijil Bank Negara Malaysia, Sijil Pelaburan Kerajaan
- Sijil Deposit Boleh Niaga, Penerimaan Jurubank, penempatan wang panggilan dengan syarikat diskaun

Pertumbuhan Modal dan Pengagihan Pendapatan

PEMEGANG UNIT

Faedah melabur dalam unit amanah

i. Kepelbagaian
Mempelbagaikan pelaburan dalam beraneka kelas aset dan sektor-sektor yang berbeza akan mengurangkan risiko pelaburan. Tetapi untuk mempelbagaikan pelaburan, ia memerlukan jumlah wang yang besar dan banyak. Pelaburan melalui tabung unit amanah membantu mengurangkan risiko pelaburan individu kerana ia memberi peluang kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur dengan modal yang kecil. Pelaburan ini dikumpulkan dan kemudiannya dilaburkan oleh pengurus dana dalam saham atau sekuriti yang dibenarkan bagi pihak pelabur. Dengan kepelbagaian pelaburan, risiko pelaburan dapat disebarkan.

ii. Pengurus yang profesional
Anda berpeluang untuk mendapat khidmat pengurus profesional. Ini selalunya tidak dapat dinikmati oleh pelabur individu yang melabur dengan modal yang kecil. Begitu juga keadaannya untuk pelabur melabur dalam simpanan deposit tetap atau dalam pasaran saham secara langsung.

iii. Pentadbiran yang mudah
Pentadbiran jual, beli dan pegangan pelaburan dalam unit amanah adalah lebih mudah jika dibandingkan dengan pegangan portfolio pelaburan dalam pasaran modal yang dibuat secara langsung oleh pelabur.

iv. Kecairan
Pelabur boleh menjual balik sebahagian atau semua unit amanah mereka pada bila-bila masa dalam waktu perniagaan.

v. Berkemampuan untuk melabur
Pelabur hanya memerlukan modal yang kecil untuk menyertai portfolio pelaburan yang diuruskan oleh pengurus profesional dan menikmati faedah yang sama dengan mereka yang melabur dalam sekuriti berharga tinggi. Pada masa yang sama, pelabur unit amanah dapat menikmati pulangan daripada portfolio pelaburan berbanding dengan jumlah sekuriti yang sedikit sekiranya mereka melabur terus dalam pasaran saham.



Risiko berkaitan unit amanah

Risiko am

i. Risiko pematuhan
Ketidakpatuhan ke atas peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan lain-lain peraturan yang ditetapkan di bawah Garis Panduan Unit Amanah dan Surat Ikatan, mungkin akan memberi kesan ke atas wang pelabur.

ii. Risiko kecairan
Pelaburan yang mudah dikeluarkan mempunyai kecairan yang tinggi. Tabung unit amanah yang melabur dalam bon adalah terdedah kepada risiko kecairan yang rendah disebabkan oleh pasaran bon di Malaysia tidak secair pasaran saham. Oleh itu, tidak mudah untuk menjual dan membeli bon pada harga pasaran. Keadaan ini mungkin akan memberi kesan kepada kemampuan tabung untuk membayar balik pelabur apabila tabung unit amanah itu dibubarkan.

iii. Risiko pembiayaan pinjaman
Melabur di dalam unit amanah melalui pinjaman lebih berisiko berbanding apabila menggunakan wang sendiri. Tabung unit amanah membuat pelaburan di dalam pasaran saham dan instrumen pasaran modal yang lain dan ini menyebabkan nilai unit-unit akan turun naik mengikut portfolionya. Apabila pasaran saham mencatat penurunan, pelabur terpaksa mengeluarkan lebih wang untuk menampung margin pinjaman mereka. Begitu juga apabila kadar faedah meningkat, pelabur akan menanggung kos pinjaman yang tinggi seterusnya berkemungkinan mengalami kerugian modal pelaburan mereka.

Risiko pelaburan

i. Risiko pasaran modal

Pelabur perlu memahami bahawa tabung unit amanah terdedah kepada turun-naik pasaran modal yang terdiri daripada pasaran saham dan lain-lain pasaran sekuriti. Pasaran modal dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kadar pertumbuhan ekonomi, pergerakan kadar faedah, prestasi pasaran modal antarabangsa dan polisi fiskal sesebuah negara.

ii. Risiko khusus/risiko saham

Risiko khusus atau risiko saham merupakan risiko yang berkaitan dengan syarikat yang menerbitkan saham tersebut. Risiko ini berkait rapat dengan risiko pengurusan syarikat yang tidak cekap, perubahan kehendak pengguna, persaingan kempen pengiklanan, tindakan perundangan dan suasana industri yang kompetitif.





Yuran dan caj

Caj secara langsung yang perlu dibayar adalah caj jualan/perkhidmatan permulaan semasa urus niaga belian dan jualan unit dilakukan, yuran jualan balik dan caj perkhidmatan bagi pelaburan melalui Skim Pelaburan Ahli KWSP.

Dalam menguruskan tabung unit amanah, terdapat beberapa yuran yang dikenakan seperti yuran pengurusan, yuran pemegang amanah, ganjaran juruaudit, dan lain-lain yuran profesional, kos/caj dan perbelanjaan percetakan laporan tahunan dan baucar pengagihan pendapatan serta lain-lain perbelanjaan yang diperlukan dalam menguruskan unit amanah.

**Anda dinasihatkan agar mempertimbangkan semua yuran dan caj yang dikenakan sebelum membuat pelaburan.*



Badan Kawal Selia Unit Amanah di Malaysia

Tertakluk di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan garis panduan yang dipantau dari semasa ke semasa dan diuruskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, sebuah badan kawal selia untuk tabung unit amanah di Malaysia. Mengikut undang-undang, surat ikatan perlu didaftarkan pada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pelantikan pengurus, pemegang amanah, pengurus pelaburan, lembaga pengarah, pegawai ketua eksekutif, ahli jawatankuasa pelaburan dan ahli jawatankuasa syariah perlu diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Pelaburan dalam unit amanah biasanya dikaitkan dengan pelaburan jangka panjang. Justeru ia amat sesuai untuk dipertimbangkan dalam mencapai matlamat jangka panjang anda seperti pendidikan untuk anak-anak atau kehidupan yang baik selepas bersara. Terdapat pelbagai jenis unit amanah di pasaran yang boleh disesuaikan dengan matlamat kewangan anda. Pelaburan secara konsisten dan berterusan membantu anda merealisasikan matlamat anda.

Oleh kerana ketika ini, pelaburan dalam unit amanah dilihat memberi pulangan lebih baik berbanding simpanan dan simpanan tetap, ia sewajarnya menjadi antara instrumen penting dalam perancangan kewangan anda.Namun begitu anda perlu memilih unit amanah yang sesuai dengan profil anda dan dikendalikan oleh syarikat pengurus tabung yang mempunyai latar belakang dan reputasi yang cemerlang dan diiktiraf dalam industri itu sendiri.

Sumber: www.asnb.com.my

Aduan Pengguna: *Scam* Dan Apa Yang Perlu Anda Ketahui

Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) kerap menerima aduan mengenai isu *scam* (penipuan). Pelbagai jenis *scam* digunakan oleh *scammer* untuk memerangkap pengguna yang naif dan mudah terpedaya.

Antara *scam* yang kerap menjerat pengguna adalah panggilan telefon daripada *scammer* yang menyamar sebagai pegawai penguatkuasa seperti Pegawai Kastam, Mahkamah, Pegawai Polis, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Pegawai Bank termasuk Bank Negara Malaysia dan sebagainya. Selain itu, *scam* pelaburan, pinjaman wang dalam media sosial, akaun keldai atau menyewa akaun bank serta *scammer* yang menyamar sebagai penjual yang menggunakan media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya.

NCCC sering menerima aduan daripada pengguna yang membeli barang melalui media sosial. Antara aduan yang diterima adalah barangan yang dipesan tidak sampai, barangan rosak atau barang yang diterima adalah tidak asli atau produk tiruan. Menurut Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, sebanyak 11,367 kes atau 61 peratus jenayah siber direkodkan dari Januari hingga Julai 2022. Trend jenayah siber dari 2016 hingga Julai 2022 turut menunjukkan peningkatan daripada 39 peratus kepada 61 peratus.

Scam boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa. Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa *scam* sekiranya tidak berhati-hati dengan modus operandi yang digunakan oleh *scammer*.





Ramai penjual yang menjual melalui media sosial tidak berdaftar dengan SSM

Selain itu, *scam* yang berlaku secara dalam talian atau melalui e-dagang kebanyakannya melibatkan mangsa yang membeli atau mendapatkan perkhidmatan daripada media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya. Hal ini terjadi kerana ramai penjual yang menjual melalui media sosial adalah tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sekiranya mereka berdaftar, maka semua maklumat tentang penjual atau penyedia perkhidmatan boleh diperolehi daripada SSM. Malahan sekiranya penjual yang berdaftar ini cuba menipu, para pengguna mempunyai medium aduan untuk mendapatkan pengadilan dengan mengajukan aduan mereka kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Para pengguna juga boleh membawa isu ini ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Di samping itu juga, terdapat jenis *scam* pelaburan yang memberi pulangan yang lumayan mula tular di dalam media sosial. Para pengguna harus faham, pihak bank hanya memberi pulangan yang rendah untuk simpanan semasa dan tetap. Adalah mustahil untuk institusi tersebut memberi pulangan yang lumayan dalam tempoh masa yang singkat ketika negara kita mengalami isu kenaikan harga barangan dan kos sara hidup yang tinggi. Sekiranya pengguna ingin melabur, adalah dinasihatkan untuk menyiasat dahulu sama ada syarikat pelaburan tersebut berdaftar dengan pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan juga Bank Negara Malaysia. Tiada durian runtuh dalam aspek pelaburan. Justeru itu, jangan leka dan mudah terpedaya dengan pancingan para pelabur di dalam media sosial.

Selanjutnya, terdapat beberapa kes di mana pengguna yang terdesak untuk meminjam wang melalui iklan dalam media sosial kerana mereka tidak mempunyai harta untuk dicagarkan. Mereka tertarik untuk mendapatkan perkhidmatan peminjam wang secara dalam talian yang kononnya syarikat pinjaman wang tersebut berlesen.

Para pengguna diingatkan untuk memeriksa terlebih dahulu sama ada syarikat pinjaman wang tersebut berdaftar dengan Bahagian Kawalan Kredit Komuniti di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

NCCC turut menerima sebanyak 306 aduan di mana mangsa telah meminjam wang daripada peminjam wang secara dalam talian. Syarikat tersebut meminta mangsa untuk menyerahkan buku akaun bank dan kad ATM.

Kita tidak pasti sama ada kita berurusan dengan pihak peniaga sebenar atau *scammer* semasa berurusan secara dalam talian.

Justeru itu, NCCC ingin menasihatkan para pengguna supaya berhati-hati setiap kali berurusan dengan individu, syarikat, mahupun mana-mana pihak yang tidak dikenali lebih-lebih lagi urusan secara dalam talian.

Kita sebagai pengguna hendaklah menyiasat terlebih dahulu sama ada akaun yang diberikan oleh penyedia perkhidmatan telah disenarai hitamkan oleh pihak polis melalui laman sesawang mereka iaitu https://semakmule.rmp.gov.my.

Sekiranya anda mendapati anda telah ditipu oleh *scammer*, buat laporan polis dengan segera. Ingat jangan sesekali mendedahkan maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, maklumat perbankan anda kepada sesiapa yang menghubungi anda melalui telefon. "Perlindungan terbaik adalah perlindungan diri sendiri."

Menurut laporan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan 2021, Bank Negara Malaysia, 62% rakyat Malaysia tidak mengendahkan keselamatan laman sesawang yang dilayari untuk membuat transaksi kewangan dalam talian.

Jika anda telah ditipu, sila bertenang. Segera hubungi Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) melalui talian 997 atau hubungi bank anda untuk membuat laporan. NSRC beroperasi 8.00 pagi hingga 8.00 malam setiap hari termasuk cuti umum. Bagi masa lain, hubungi bank anda.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

TIP KESELAMATAN PERBANKAN INTERNET

JANGAN KONGSI ID PENGGUNA, KATA LALUAN DAN TAC/OTP DENGAN SESIAPA



Termasuklah keluarga atau rakan

ELAKKAN KATA LALUAN YANG MUDAH DITEKA SEPERTI TARIKH LAHIR DAN NAMA

Gunakan kata laluan yang unik dan tukar secara berkala



PASTIKAN LAMAN WEB PERBANKAN YANG BETUL DAN SAH

Semak ciri keselamatan URL seperti ikon mangga dan https



JANGAN GUNA RANGKAIAN WIFI AWAM

Keselamatan akaun bank anda mungkin akan terjejas



JANGAN KLIK PAUTAN YANG MENCURIGAKAN



Pihak bank tidak akan menghantar pautan melalui SMS, WhatsApp atau emel

PANTAU TRANSAKSI AKAUN BANK



Semak setiap notifikasi daripada bank bagi memastikan transaksi yang sah. Laporkan kepada bank dengan segera sekiranya terdapat transaksi yang mencurigakan

JOM DIGITAL DENGAN YAKIN

FEN FINANCIAL EDUCATION NETWORK

@myfenetwork

Financial Education Network

e-Duit! Selamat, Senang, Segera